



KEMENTERIAN PELANCONGAN MALAYSIA

**KRITERIA PENGKLASIFIKASIAN PERKHIDMATAN SPA
DAN URUTAN REFLEKSOLOGI**

1. Sistem Pengklasifikasian

Sistem pengelasan yang dicadangkan ialah sistem simbol menggunakan Bintang (1 hingga 5 bintang). Tempoh sahlaku pengelasan adalah 3 tahun dan tertakluk kepada permohonan untuk pengelasan semula sebelum tamat tempoh atau apabila terdapat permohonan untuk kenaikan taraf pengelasan perkhidmatan SPA dan Urutan Refleksologi.

2. Kriteria Pengelasan

Garis Panduan Pengklasifikasian Perkhidmatan Spa dan Garis Panduan Pengklasifikasian Perkhidmatan Urutan Refleksologi adalah seperti di Lampiran 1(a) dan 1(b).

3. Skema Pengelasan

Skema pengelasan untuk spa dan urutan refleksologi akan mengguna pakai skema yang sama seperti pengelasan premis penginapan pelancong seperti berikut:

Markah	Pengelasan
90 hingga 100	★★★★★
80 hingga 89	★★★★
70 hingga 79	★★★
60 hingga 69	★★
50- 59	★
49 dan ke bawah	Tidak layak diklasifikasikan

4. Mekanisme Pelaksanaan

Mekanisme pelaksanaan bagi pengklasifikasian spa dan urutan refleksologi akan diadakan adalah dicadangkan dalam dua peringkat seperti berikut:

Peringkat 1 – Penilaian

Penilaian untuk tujuan pengelasan akan dibuat oleh ahli pasukan pemeriksa yang terdiri daripada:

- i) Kementerian Pelancongan Malaysia
- ii) Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia
- iii) Kementerian Kesihatan Malaysia (Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari)
- iv) Pihak Berkuasa Tempatan (semua PBT)
- v) Persatuan Spa dan Refleksologi yang diiktiraf iaitu *Association of Malaysia Spas (AMSPA)* dan *Malaysian Association of Wellness and Spa (MAWSPA)*
- vi) Agensi atau Badan Bukan Kerajaan yang difikirkan sesuai.

Pasukan Pemeriksa terdiri daripada ahli-ahli mewakili agensi atau organisasi di atas akan ditubuhkan di semua daerah dan dilatih dari semasa ke semasa untuk menjadi ahli pasukan pemeriksa bagi Sistem Pengklasifikasian Perkhidmatan SPA dan Urutan Refleksologi.

Peringkat 2 – Panel Pengelasan

Syor-syor pengelasan yang dikemukakan oleh pasukan pemeriksa akan dibincangkan dan diputuskan oleh satu Panel Pengelasan yang dipengerusikan oleh YBhg. Dato' KSU Kementerian Pelancongan dan dianggotai oleh wakil daripada agensi-agensi Kerajaan dan persatuan seperti di **Lampiran 1(c)**. Terma rujukan Panel Pengelasan Perkhidmatan SPA dan Urutan Refleksologi adalah seperti di **Lampiran 1(d)**.

5. **Kekerapan Penilaian**

Kekerapan penilaian adalah mengikut bilangan permohonan. Laporan penilaian akan dibentangkan dan diputuskan dalam Mesyuarat Panel Pengelasan Spa dan Refleksologi. Kekerapan mesyuarat adalah sekali setiap bulan. Carta aliran proses Pengklasifikasian Perkhidmatan SPA dan Urutan Refleksologi adalah seperti di **Lampiran 1(e)**.

6. **Faedah**

Antara faedah yang akan diperoleh oleh premis spa dan refleksologi yang mendapat pengelasan bintang ini ialah:

- mewujudkan satu inventori laman web perkhidmatan spa dan urutan refleksologi sebagai panduan pelancong untuk mendapatkan perkhidmatan;
- membolehkan agensi berkaitan membuat promosi di peringkat antarabangsa;
- memberi kemudahan kepada para pelancong memilih pusat spa dan refleksologi berdasarkan kualiti kemudahan dan perkhidmatan yang ditawarkan; dan
- Mewujudkan kaedah pengawalan sendiri (self-regulation) kepada pengusaha spa dan refleksologi untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan dan kemudahan.